

Ceretam Oral Solution

Piracetam (1gm/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Ceretam Oral Solution
2. Bagaimana Ceretam Oral Solution berfungsi
3. Sebelum mengambil Ceretam Oral Solution
4. Cara menggunakan Ceretam Oral Solution
5. Semasa menggunakan Ceretam Oral Solution
6. Kesan –kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Ceretam Oral Solution
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan pemegang pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Ceretam Oral Solution

Ceretam Oral Solution digunakan untuk rawatan berikut:

- Orang berumur mengalami kecacatan fungsi otak seperti kehilangan ingatan, kepeningan, kekurangan pemerhatian atau kecergasan, perubahan sikap, kelakuan dan kemampuan menjaga diri semakin merosot.
- Gejala dan tanda melibatkan fungsi otak terganggu yang disebabkan ketagihan arak.
- Koma yang berkaitan dengan saluran darah, kecederaan trauma atau asal toksik, serta defisit kognitif dan / atau pening yang disebabkan oleh kecederaan kepala.
- Ceretam Oral Solution digunakan dalam kombinasi dengan ubat-ubatan lain untuk merawat myoclonus. Ini adalah suatu keadaan di mana sistem saraf menyebabkan otot, terutamanya di tangan dan kaki, untuk mula sentak tanpa kawalan.

Bagaimana Ceretam Oral Solution berfungsi

Ceretam Oral Solution mengandungi bahan aktif Piracetam di bawah kelas ubat bernama GABA analog. Piracetam bertindak pada otak dan sistem saraf dan ia dipercayai melindungi system saraf otak dari kekurangan oksigen.

Sebelum menggunakan Ceretam Oral Solution

-Bila tidak boleh menggunakan

- Jika anda alahan terhadap bahan aktif, Piracetam atau pyrrolidone yang lain
- Jika anda alahan terhadap bahan-bahan lain yang terdapat dalam Ceretam Oral Solution
- Jika anda mempunyai masalah ginjal yang serius
- Jika anda menghidapi penyakit hati
- Jika anda berumur 16 tahun ke bawah.

-Mengandung dan menyusukan anak

- Jangan mengambil Ceretam Oral Solution jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.
- Jangan mengambil Ceretam Oral Solution jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

-Sebelum menggunakan Ceretam Oral Solution

Beritahu dengan doktor anda

- Jika anda rasa ginjal anda tidak berfungsi sepenuhnya.
- Jika anda mempunyai masalah pendarahan.
- Jika anda perlu menjalankan pembedahan yang major.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang diberi tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan. Ubat-ubatan lain seperti

- Ekstrak hormone *Thyroxine*
- Anti-pembekus seperti warfarin atau aceno-coumarol
- Aspirin dos yang rendah

Doktor atau ahli farmasi anda mungkin mempunyai maklumat yang lebih lanjut mengenai ubat-ubatan yang perlu diberi perhatian semasa mengambil ubat ini.

Cara menggunakan Ceretam Oral Solution

-Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

-Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

-Jika terlupa mengambil

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Ceretam Oral Solution

Piracetam (1gm/5ml)

Semasa menggunakan Ceretam Oral Solution

-Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Ceretam Oral Solution.
- Maklumkan kepada doktor anda jika anda mengandungi semasa menggunakan ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Ceretam Oral Solution dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan Jentera

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendali jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Ceretam Oral Solution boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya, seperti,

- Perasaan risau dan resah
- Gelisah
- Tidur terganggu
- Hilang keseimbangan
- Sakit kepala
- Gementar

- Rangsangan seksual
- Masalah gastrousus

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Kesan sampingan lain yang tidak dinyatakan mungkin dialami orang lain.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (Consumers → Reporting)

Cara penyimpanan and pelupusan Ceretam Oral Solution

-Penyimpanan

Simpan bawah 30°C.
Jangan ambil selepas tarikh luput yang tercetak di atas bungkusan. Sila merujuk kotak luar untuk keadaan penyimpanan.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Jauhi dari kanak-kanak

Maklumat lanjut

-Rupa and warna produk

Ceretam oral solution adalah cecair yang tidak berwarna dengan perasa buah apricot.

-Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif: Piracetam

Bahan tak aktif:

Air, sorbitol, perisa Apricot, methylparaben, saccharin sodium,

-Nombor MAL

Ceretam Oral Solution 20% w/v (MAL07081598AZ)

Pengilang dan pemegang pendaftaran produk

AV MANUFACTURING SDN.BHD.
(667760-v)
Lot 10621, Jalan Permata 2,
Arab Malaysian Industrial Park
71800 Nilai, NSDK, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP
28/03/2016

Nombor Siri
BPFK(R4/1)280316/00098